



## **SIARAN MEDIA**

### **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

**SESI LIBAT URUS ANTARA EAIC DAN  
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA SERTA AGENSI ANGKASA  
MALAYSIA BAGI TUJUAN PEMANTAUAN PENCEROBOHAN HUTAN MELALUI  
TEKNOLOGI**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**29 MEI 2025**

Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) selaku Ketua Peneraju Focus Group Penguatkuasaan telah mengadakan sesi libat urus Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Agenzi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi membincangkan mekanisme kawalan dan pemantauan kawasan hutan menggunakan teknologi satelit secara proaktif.

Sesi di Pejabat Agenzi Angkasa Malaysia (MYSA) yang diketuai oleh Puan Asliza Ali, Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif EAIC hari ini melibatkan penyertaan seramai 20 pegawai kanan daripada ketiga-tiga agensi, bertujuan memperkuuh kerjasama rentas sektor dalam usaha mempertingkat keberkesanan penguatkuasaan serta pemuliharaan sumber hutan negara.

Antara fokus utama perbincangan adalah:

- Penggunaan data satelit dan penderiaan jauh oleh MYSA dalam mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi terhadap pembalakan haram.
- Kerjasama teknikal dan sokongan data antara MYSA dan JPSM bagi tujuan pemantauan berterusan.

- Peranan EAIC dalam memantau aspek integriti dan ketelusan penguatkuasaan undang-undang berkaitan perlindungan hutan.

Sesi ini turut membuka ruang kepada penambahbaikan sistem pemantauan dan penyelarasian lebih strategik antara pihak penguat kuasa, agensi teknikal dan pemegang taruh. Usaha ini menyasarkan liputan pemantauan berdasarkan teknologi terhadap 100% kawasan hutan berisiko tinggi.

EAIC akan terus komited menjalankan pemantauan, menilai keberkesanan penguatkuasaan dan mencadangkan penambahbaikan demi menjamin kelestarian alam sekitar dan kepentingan awam.

Sebagai makluman, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas CPI Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 3 Oktober 2024 telah bersetuju dengan penubuhan enam (6) Focus Group Pasukan Petugas Khas CPI bagi memperbaiki prestasi Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah menjelang tahun 2033. EAIC telah diberi tanggungjawab untuk menerajui FG Penguatkuasaan, yang memberi fokus kepada aspek integriti, kecekapan dan ketelusan penguatkuasaan undang-undang di negara ini, termasuk dalam isu-isu berkaitan penguatkuasaan alam sekitar, jenayah hutan, serta tadbir urus rentas agensi.

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**